

## **KENYATAAN NEGARA**

**YB TUAN IBRAHIM TUAN MAN  
MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR MALAYSIA**

**SEGMENT PERINGKAT TINGGI PERSIDANGAN  
UNFCCC COP-26/CMP-16/CMA-3  
9-10 NOVEMBER 2021**

Assalamualaikum WBTH, dan selamat pagi.

Tahniah diucapkan kepada Kerajaan United Kingdom selaku tuan rumah persidangan COP-26 pada tahun 2021 di Glasgow termasuk sokongan dan kemudahan yang diberikan kepada Malaysia dan semua delegasi persidangan ini.

**Presiden, tuan, puan, hadirin yang dihormati sekalian.**

Mengambil kira impak perubahan iklim dan cabaran yang dibawa oleh pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia, Malaysia mengiktiraf kepentingan pemulihan pasca pandemik melalui pemulihan hijau.

Bagi tujuan ini, Malaysia mengemukakan NDC yang telah dikemaskini, yang mempunyai sasaran pengurangan intensiti pelepasan GHG merentas ekonomi sebanyak 45 peratus (berdasarkan Keluaran Dalam Negara Kasar) pada tahun 2030 berbanding tahapnya pada tahun 2005. Pengurangan intensiti tersebut dibuat tanpa syarat (*unconditional*) dan 10 peratus lebih tinggi berbanding sasaran

sebelum ini. Sasaran NDC Malaysia juga merangkumi 7 jenis GHG berbanding 3 jenis sebelum ini;

Selain itu, Malaysia juga mempunyai aspirasi untuk mencapai pelepasan GHG bersih sifar seawal-awalnya pada tahun 2050, tertakluk kepada penyediaan strategi jangka masa panjang pembangunan rendah karbon Malaysia pada tahun 2022.

Bagi mencapai aspirasi dan sasaran tersebut, Malaysia akan melaksanakan perkara-perkara berikut:

1. melaksanakan dasar 'carbon pricing' secara berfasa untuk menyokong usaha negara untuk mengurangkan pelepasan GHG;
2. mencapai kapasiti penjanaan tenaga boleh baharu sebanyak 31% pada tahun 2025 dan 40% pada tahun 2035 bagi grid kebangsaan melalui Pelan Peralihan Tenaga Malaysia 2021-2040;
3. aspirasi sasaran perolehan 100% kenderaan Kerajaan yang bukan berasaskan enjin pembakaran dalaman pada tahun 2030;
4. mengekalkan sekurang-kurangnya 50% litupan hutan negara seperti yang diumumkan di Persidangan Bumi Rio pada tahun 1992;
5. melaksanakan kaedah *natural-based solution* sebagai asas penyelesaian global bagi mengurangkan kesan jangka panjang seperti penanaman 100 juta batang pokok bermula pada tahun 2021 hingga 2025;
6. mencapai sasaran sifar sisa yang dihantar ke tempat pelupusan sampah melalui konsep sisa kepada tenaga dan meningkatkan kadar kitar semula kepada 40% pada tahun 2025;

7. transformasi bandar di Malaysia ke arah pembangunan rendah karbon di bawah Pelan Induk Bandar Rendah Karbon; dan
8. meningkatkan ketahanan kepada impak jangka masa panjang perubahan iklim melalui pembangunan Pelan Adaptasi Kebangsaan.

Tambahan pula, dua syarikat berkaitan tenaga negara telah melancarkan pelan untuk mencapai sasaran pelepasan GHG bersih sifar pada tahun 2050;

Saya juga amat berbesar hati untuk mengumumkan bahawa kerajaan Malaysia juga telah bersetuju untuk menyokong Ikrar Global Metana dan Deklarasi Pemimpin di Glasgow mengenai Hutan dan Guna Tanah.

**Presiden, tuan, puan, hadirin yang dihormati sekalian.**

Malaysia berpandangan proses rundingan bagi melengkapkan pelaksanaan Perjanjian Paris adalah penting untuk memastikan matlamat untuk mengehadkan peningkatan suhu purata global di bawah perjanjian tersebut tercapai. Malaysia berpandangan adalah penting untuk proses rundingan memuktamadkan mengenai kaedah pelaksanaan NDC dan pembangunan mekanisme kerjasama antara semua negara. Kedua perkara ini juga perlu mengambil kira aspek integriti persekitaran dan kaedah perakaunan yang telus. Bagi tujuan ini, Malaysia sedia bekerjasama dengan semua pihak bagi memastikan kejayaan persidangan ini.

Walau bagaimanapun, pelaksanaan Perjanjian Paris memerlukan tambahan pembiayaan kewangan, pemindahan teknologi dan pembangunan kapasiti untuk negara membangun. Sehubungan itu, Malaysia menyeru semua negara maju untuk memenuhi obligasi mereka di bawah Perjanjian Paris.

Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada kerajaan United Kingdom kerana menganjurkan persidangan ini.

Sekian, terima kasih.